

# SEJARAH PERKHIDMATAN KEBOMBAAN SEBELUM MERDEKA

- Roslina Harun, Kassim Maidin, Ida Shariza Abd Razak dan Mohd Syazwan bin Nordin -

## 1. Tanah Melayu

Sejarah perkhidmatan kebombaian adalah seiring dengan kewujudan dan perkembangan perkhidmatan polis di Tanah Melayu. Sejarah awal menunjukkan pasukan bomba adalah terdiri daripada pasukan polis sukarela yang dilantik oleh penjajah British ketika itu.

### 1.1 Pulau Pinang

Berdasarkan kepada jurnal yang ditulis oleh Patrick Morrah pada tahun 1963, Pulau Pinang adalah negeri yang paling awal dalam memberikan perkhidmatan kebombaian di Tanah Melayu. Proses kewujudan perkhidmatan ini bermula pada tahun 1787 apabila berlaku beberapa rusuhan di kawasan pelabuhan di Pulau Pinang yang telah mengorbankan beberapa orang kelasi berbangsa Eropah dan dua (2) orang berbangsa Siam. Sehubungan dengan itu, Francis Light telah menulis surat dan mengemukakan cadangan kepada Lord Cornwallis, *Governor General East India Company* di India


untuk menubuhkan pasukan polis bagi mengawal keselamatan dan menangani kejadian tersebut serta bertanggungjawab ke atas pencegahan dan keselamatan kebakaran.

Setelah beberapa kali cadangan beliau ditolak akhirnya pada tahun 1792, Francis Light telah membuat keputusan dengan melantik ketua-ketua kaum Melayu, Cina dan India bagi menguruskan tugas-tugas tersebut. Ketua-ketua yang dilantik



Pasukan Polis/ Bomba Pulau Pinang  
sumber : Arkib Negara Malaysia

ini dipanggil *captain* dan bertanggungjawab kepada *superintendent* yang ketika itu dipegang oleh Francis Light sendiri. Keanggotaan di bawah *captain* ialah sekurang-kurangnya lima (5) orang *peon* yang juga merupakan konstabel polis. Pada 25 Mac 1807, bermulalah sistem kepolisian secara moden dan teratur di Tanah Melayu dengan pelaksanaan dan berkuatkuasanya *Charter of Justice* oleh kerajaan British di Pulau Pinang. Perkhidmatan kebombaan yang ditadbir oleh pasukan polis sukarela juga turut berkembang seiring dengan pemodenan sistem kepolisian tersebut. Pada tahun 1898, pasukan bomba sukarela telah ditubuhkan di Pulau Pinang oleh Syarikat Hutterberg & Co. Ltd. dengan keanggotaan seramai 10 orang. Pasukan ini hanya dilengkapi dengan pam kuasa wap yang ditarik oleh empat ekor kuda. Pada tahun 1902 hingga 1908, pasukan bomba sukarela telah diambil alih oleh kerajaan negeri dan diletakkan di bawah majlis perbandaran. Pada tahun 1908, Balai Bomba Lebuh Pantai yang juga dikenali sebagai *Central Fire Station* telah beroperasi secara rasmi di Pulau Pinang dan merupakan balai bomba yang pertama di Pulau Pinang dengan keanggotaan 28 orang.



Salinan: Charter of Justice  
Sumber: Muzium Polis.

## 1.2 Melaka

Menurut buku Sejarah Bergambar Institusi Polis Diraja Malaysia (1994), perkhidmatan kebombaan di negeri Melaka bermula apabila pasukan polis sukarela ditubuhkan pada tahun 1825 oleh kerajaan British. Pada 5 Julai 1827, W.T Lewis telah dilantik sebagai penguasa polis secara rasmi oleh kerajaan British. Beliau juga bertanggungjawab menangani insiden kebakaran dan mengendalikan latihan penggunaan peralatan

kebombaan. Peranan dan tanggungjawab pasukan polis terhadap perkhidmatan kebombaan semakin berkembang selepas penguatkuasaan *Ordinance of 1871* yang merangkumi tanggungjawab terhadap penjagaan harta dan nyawa daripada bahaya kebakaran.

Pada tahun 1930, pasukan bomba di Melaka dikenali dengan nama *Civil Defense* dan dianggotai oleh 16 orang anggota polis yang dilengkapi dengan sebuah jentera bomba jenis Dennis dan sebuah motosikal. Nama *Civil Defense* kemudiannya telah ditukar kepada *Auxillary Fire Service* di bawah pentadbiran *British Military Administration* pada tahun 1942. Pada tahun 1950, Majlis Perbandaran Kota Melaka telah mengambil alih pentadbiran pasukan bomba daripada *British Military Administration* dan diberi nama *Malacca Fire Brigade*.

## 1.3 Selangor dan Kuala Lumpur

Negeri-Negeri Melayu Bersekutu -*The Federated Malay States (FMS)* terdiri daripada negeri Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang merupakan negeri-negeri yang berada di bawah pentadbiran British secara langsung. Kuasa British meliputi soal luar negara, pertahanan dan dasar serta hal ehwal dalam negeri. Residen General pertama yang dilantik oleh kerajaan British ialah Sir Frank Swettenham.

Pasukan polis telah ditubuhkan di negeri Selangor pada tahun 1875. Pasukan ini juga berperanan sebagai pasukan pemadam kebakaran. Ini dibuktikan melalui dokumen arahan residen Selangor bertarikh 18 Disember 1875 yang mengandungi "Arahan Jika

Berlaku Kebakaran (*Instruction in Case of Fire*)". Kesenambungan daripada arahan tersebut satu peraturan (*Fire Regulations*) telah digubal pada 25 Ogos 1881 oleh H.B. Douglas H.B.M. Residen Selangor ketika itu. Peraturan ini menggariskan 15 perkara, antaranya ialah kaedah amaran jika berlaku kebakaran iaitu dengan membunyikan loceng secara berterusan dari empat lokasi berbeza iaitu pejabat residen, berek polis, pejabat awam dan balai polis bandar.


Pada tahun 1883, pasukan bomba sukarela telah ditubuhkan di negeri Selangor diketuai oleh H.F Bellamy bersama 15 anggota. Pasukan ini dibekalkan dengan sebuah pam angkut yang dipasang pada kereta sorong sehingga tahun 1888. Selepas itu pam yang digunakan oleh pasukan ini dipasang pada kereta kuda.



**Pasukan Bomba Berkuda**  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Perkhidmatan kebombaan berkembang pesat dengan pembinaan balai bomba yang pertama di Tanah Melayu terletak di *Church Street*, Jalan Ampang. Balai ini telah dirasmikan pada 30 November 1893 oleh W.H Treacher, Residen Selangor ketika itu. Setelah balai ini beroperasi selama 63 tahun ianya dirobuhkan pada tahun 1956 semasa pemerintahan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah. Pada tahun 1895, pasukan bomba sukarela di Kuala Lumpur telah menempa sejarah dengan menjadi pasukan

bomba tetap bergaji yang pertama di Tanah Melayu dibawah Pentadbiran Lembaga Kebersihan yang merupakan agensi di bawah *The Federated Malay States*. Pada tahun 1956, Balai Bomba Jalan Shaw telah mula beroperasi yang kini dikenali sebagai Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Hang Tuah dengan dilengkapi dua jentera bomba jenis Dennis. Balai ini menggantikan balai bomba di *Church Street* yang telah dirobohkan.



**Balai Bomba Church Street, Jalan Ampang  
sumber : Arkib Negara Malaysia**





**Balai Bomba Jalan Shaw /Jalan Hang Tuah**  
sumber : Arkib Negara Malaysia

#### **1.4 Perak**

Dokumen mencatatkan kewujudan perkhidmatan kebombaan di negeri Perak adalah seawal 18 Ogos 1893, melalui surat yang ditulis oleh pegawai residen British di Batu Gajah, Perak. Dokumen ini memaklumkan tentang kewujudan jentera bomba yang dibekalkan oleh kerajaan British untuk melindungi kawasan Ipoh, Gopeng dan Papan. Jentera bomba ini dikendalikan oleh pasukan bomba sukarela dan setiap kedai di pekan dan kampung perlu membayar yuran langganan sebanyak \$1 atau \$2 sebulan.

Bayaran tersebut digunakan untuk membayar gaji anggota bomba tersebut. Berdasarkan *Report by The Chief Officer, Singapore Fire Brigade on The Fire Protection of Ipoh and District* pada tahun 1910, sudah ada dua buah balai di Ipoh pada masa itu iaitu *The Central Fire Station* di *Market Street* untuk melindungi bandar lama dan sebuah balai cawangan di *Hugh Low Street* untuk melindungi bandar baru.

Pada tahun 1936, perkhidmatan bomba telah ditempatkan di bangunan dua tingkat yang terletak di Jalan Brewster yang kini dikenali sebagai Jalan Sultan Idris Shah, Ipoh. Selepas tahun 1947 pasukan bomba di negeri Perak telah dibekalkan dengan peralatan, penambahan anggota dan pembinaan balai-balai di pekan dan di beberapa tempat strategik. Pasukan bomba pada masa itu di bawah pentadbiran majlis tempatan yang diketuai oleh seorang Pegawai Daerah.

Batu Gajah  
18<sup>th</sup> August '73

My dear Wilman.


Many thanks for your letter of the 10<sup>th</sup>

In Ipoh, Gopong and Papan the Govt. supplied the fire engines but the brigade is run by voluntary subscription each shop paying £.1 or £.2 a month towards it out of this fund four permanent firemen (Sikhs) are paid in each village and the balance goes towards upkeep of engines etc. The Police Inspectors collect the money - in addition to the four paid men, when there is a fire or at the practice drills each shop sends a coolie

Surat Pegawai Residen British, Batu Gajah  
sumber : Arkib Negara Malaysia

## 1.5 Kelantan

Ketika negeri Kelantan berada di bawah jajahan Kerajaan British, pedagang-pedagang Cina di sekitar Kota Bharu telah mengemukakan permohonan supaya kerajaan memperkemaskan perkhidmatan kebombaian sedia ada bagi melindungi harta dan perniagaan mereka. *The Humble Petition of the Traders Residents at Kota Bharu* dan *Petition Praying for an Efficient Fire Brigade in Kota Bharu* bertarikh 21 Ogos 1911, ini membuktikan perkhidmatan kebombaian yang terdiri daripada pasukan polis telah wujud lebih awal sebelum tahun 1911. Pada tahun 1930-an perkhidmatan ini dianggotai oleh anggota polis dan pasukan bomba sukarela yang terdiri daripada penduduk setempat sekitar bandar Kota Bharu dengan dilengkapi oleh sebuah *fire trailer pump*. Pada 1 Januari 1947, Kerajaan Negeri Kelantan telah menerima 10 orang anggota bomba terlatih daripada Ibu Pejabat *British Military Administration*, Kuala Lumpur. Pasukan ini diketuai oleh Pegawai Bomba, Othman bin Hj. Abd. Manan dan dilengkapi dengan peralatan kebombaian bagi meningkatkan lagi perkhidmatan kebombaian di negeri itu.




***The Humble Petition of the Traders Residents at Kota Bharu***  
sumber : Arkib Negara Malaysia



Kerajaan Negeri Kelantan kemudiannya telah memindahkan pasukan bomba daripada balai polis ke sebuah bangunan di tengah-tengah bandar Kota Bharu berhampiran dengan pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan diletakkan di bawah jagaan *town board* pada 1 Januari 1950. Pada tahun 1953, Kerajaan Negeri Kelantan telah memperkukuhkan pasukan bomba dengan menambah keanggotan kepada 21 orang dan melantik Othman bin Hj. Abd. Manan sebagai *State Fire Officer*.

### 1.6 Kedah

Perkhidmatan kebombaannya telah wujud lebih awal di negeri Kedah iaitu sebelum tahun 1922 lagi. Ia berdasarkan kepada penemuan surat bertarikh 21 Muharam 1341 (12 September 1922) daripada *Sanitary Board*, Kulim kepada Duli yang Maha Mulia *Regent* Kerajaan Kedah. Surat ini mengandungi permohonan peruntukan bagi pembelian peralatan kebombaannya yang akan diletakkan di bawah jagaan polis Kulim.



Surat daripada *Sanitary Board*, Kulim kepada Duli yang Maha Mulia *Regent* Kerajaan Kedah  
sumber : Arkib Negara Malaysia

Pada tahun 1934, sebuah garaj telah diubahsuai sebagai Balai Bomba Alor Setar dengan keanggotaan seramai empat (4) orang dan dilengkapi dengan sebuah Land Rover bersama *trailer*. Balai ini diletakkan di Pejabat Tanah Negeri Kedah dan telah dipindahkan ke sebuah bangunan di Jalan Raja, Alor Setar yang kini dikenali sebagai Balai Bomba dan Penyelamat Jalan Raja pada tahun 1939. Balai ini telah dilengkapi dengan dua (2) buah jentera bomba iaitu jenis Dennis dan jentera *water tender*. Pada tahun 1949, perkhidmatan bomba telah diletakkan di bawah pentadbiran *town board* iaitu di bawah bidang kuasa Majlis Daerah Alor Setar.

### 1.7 Negeri Sembilan

Sejarah perkhidmatan kebombaanan di Negeri Sembilan bermula seawal tahun 1914, di Seremban. Perkhidmatan ini diletakkan di bawah pentadbiran pasukan polis, sama seperti di negeri-negeri lain. Ini dibuktikan melalui dokumen *Federated Malay States*



Balai Bomba Alor Star  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

*Police* bertarikh 2 Mei 1922 yang mengandungi maklumat berkaitan pembelian jentera, penyelenggaraan dan pembayaran gaji serta elaun anggota yang terlibat dengan tugas pemadaman kebakaran di Negeri Sembilan pada masa itu.

Pada tahun 1946, pasukan bomba telah ditempatkan di sebuah bangunan di Jalan Bomba berhampiran Temple Sikh dan Wisma Punca Emas. Balai tersebut telah dipindahkan ke bangunan di Jalan Dato' Bandar Tunggal dan kemudiannya telah berpindah di Jalan Za'ba yang kini dikenali sebagai Balai Bomba dan Penyelamat Seremban.

### **1.9 Terengganu**

Perkembangan perkhidmatan kebombaannya di Terengganu bermula pada 1 Januari 1947 dengan penubuhan pasukan bomba pertama. Pasukan ini diketuai oleh E.L. Saunder selaku *Regional Fire Officer* dan ditempatkan di Balai Polis Daerah Kuala Terengganu.

Pada 1 Januari 1949, pasukan ini telah dipindahkan ke balai bomba di Kedai Binjai, Kuala Terengganu di bawah pengawasan Penolong Pegawai Bomba Man bin Limin dengan dibantu oleh lima (5) orang anggota termasuk seorang pemandu. Pada tahun yang sama perkhidmatan bot bomba yang pertama diperkenalkan di Tanah Melayu bagi mengawal pulau-pulau di sekitar negeri Terengganu.

Pada tahun 1950, pasukan ini telah diperkuatkan lagi dengan penyertaan daripada pasukan bomba bantuan seramai 15 orang anggota yang terdiri daripada kakitangan Majlis Bandaran Kuala Terengganu dengan bayaran elaun sebanyak RM5.00 sebulan.

## 1.8 Johor

Perkembangan perkhidmatan kebombaannya di Johor bermula pada tahun 1930-an dimana pasukan bomba yang pertama ditempatkan di Jalan Selat Tebrau. Ketika itu perkhidmatan kebombaannya diletakkan di bawah pentadbiran *town board* yang diketuai



Trailer Pump jenis Dennis Fire Escape  
sumber : Arkib Negara Malaysia

oleh seorang pegawai berbangsa Inggeris iaitu V.G.Donough. Pada tahun yang sama, balai bomba pertama dibangunkan dan dikenali sebagai Balai Bomba Johor Bharu yang diketuai oleh seorang berbangsa Inggeris bernama Kolonel Waltkin. Balai ini dilengkapi dengan sebuah *trailer pump* jenis Dennis dan sebuah *water tender* jenis Thames.

Pada 5 April 1954, pasukan ini telah dibekalkan dengan peralatan dan kelengkapan sebuah jentera jenis Ford Thames, sebuah *trailer pump* jenis Dennis dan dua buah pam jenis Ford Sympton. Pentadbiran pasukan ini adalah di bawah Majlis Daerah Kuala Terengganu yang diketuai oleh seorang pegawai daerah berbangsa Inggeris iaitu Mr. Morgan.

## 1.10 Pahang

Pada tahun 1947, Perkhidmatan Bomba negeri Pahang yang dikenali sebagai *fire brigade* telah diwujudkan di beberapa daerah seperti Kuantan, Kuala Lipis, Bentong, Raub, Mentakab dan Pekan. Pentadbiran perkhidmatan bomba ini diletakkan di bawah majlis bandaran manakala mana-mana daerah yang tiada majlis bandaran diletakkan di bawah pentadbiran pejabat daerah.



### 1.11 Perlis

Perkhidmatan Bomba negeri Perlis juga bermula pada tahun 1947 di bawah pentadbiran polis. Pada tahun 1960, perkhidmatan Bomba negeri Perlis telah bergabung dengan Perkhidmatan Bomba negeri Kedah dan diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kangar.



Perlis Fire Brigade

Sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### 1.12 Persekutuan Tanah Melayu

Perkhidmatan kebombaian terus berkembang di setiap negeri dan kebanyakan pasukan bomba ini diletakkan di bawah Majlis Perbandaran atau Lembaga Luar Bandar negeri. Pada 1 April 1946, pemerintahan British memperkenalkan *Malayan Union* iaitu penggabungan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura dengan Negeri-negeri Melayu di bawah satu pentadbiran. Di bawah pentadbiran baru ini, *Malayan Union Fire Services* telah dibentuk dan Flight Lt. W.J. Gorman dilantik sebagai *Director of Malayan Union Fire Services* beribu pejabat di Kuala Lumpur.



Sir Edward Gormon

sumber : Arkib Negara Malaysia



King's House (Carcosa Seri Negara)

sumber : Arkib Negara Malaysia

Penentangan oleh sultan-sultan, raja-raja, pembesar Melayu dan rakyat terhadap *Malayan Union* telah mengakibatkan pentadbiran ini telah dibubarkan. Pada 21 Januari 1948,

*The Federation of Malaya* atau lebih dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu telah dibentuk melalui perjanjian *The Federation of Malaya Agreement* dan ditandatangani di *King's House* yang kini dikenali Carcosa Seri Negara. Upacara menandatangani perjanjian ini telah dihadiri oleh wakil kerajaan British iaitu Sir Edward Gent manakala wakil Tanah Melayu terdiri daripada sultan-sultan dan raja-raja Melayu.


Hasil daripada perjanjian yang telah ditandatangani, perkhidmatan bomba telah diserahkan kembali kepada kerajaan negeri di bawah pentadbiran yang sama iaitu lembaga bandaran atau lembaga luar bandar mengikut negeri masing-masing. Pada tahun 1951, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan yang berfungsi sebagai penasihat kepada Perkhidmatan Bomba negeri dan kerajaan tempatan.

## **2. Borneo**

Sejarah perkhidmatan kebombaian di Sabah dan Labuan bermula sekitar tahun 1930-an manakala di Sarawak pula bermula pada tahun 1940-an.

### **2.1 Sabah dan Labuan**

Negeri Sabah juga mengalami proses yang sama seperti di Tanah Melayu dimana semua perkhidmatan kebombaian dilaksanakan oleh pasukan polis. Perkhidmatan kebombaian Negeri Sabah (*North Borneo*) bermula pada tahun 1930-an di Pulau Labuan yang dipanggil *Victoria Island*, diketuai oleh seorang berbangsa Inggeris dengan keanggotan seramai Sembilan (9) orang. Peralatan yang digunakan pada masa itu hanyalah sebuah *pump trailer*.



Pasukan Bomba Negeri Sabah yang pertama ditubuhkan pada tahun 1930an diketuai oleh seorang berbangsa Inggeris dan 9 orang anggota dengan sebuah pam *trailer* bertempat di Victoria Island  
sumber : Arkib Negeri Sabah

Pada tahun 1947, perkhidmatan kebombaan dilaksanakan oleh pasukan polis yang dikenali sebagai *North Borneo Armed Constabulary*. Manakala pada tahun 1948, perkhidmatan kebombaan dijalankan oleh *Constabulary Reserve* dengan keanggotaan seramai 38 orang di Api-Api yang kemudiannya dipanggil Jesselton dan kini dikenali sebagai Kota Kinabalu.

## **2.2 Sarawak**

Perkembangan perkhidmatan kebombaan di negeri Sarawak bermula pada tahun 1940-an. Tugas bagi melaksanakan perkhidmatan ini juga dipertanggungjawabkan kepada pasukan polis yang diketuai oleh P.J. Shanon bertempat di Balai Polis Kuching yang juga berperanan sebagai bomba bantuan. Dalam tahun 1946, sebuah balai bomba dibina di Jalan Gartak, Kuching yang dianggotai oleh 12 orang anggota bomba bantuan yang diketuai oleh Mejar Dahlan. Urusan pentadbiran pasukan ini adalah di bawah Majlis Bandaran Kuching.

## **SEJARAH PERKHIDMATAN KEBOMBAAN SELEPAS MERDEKA**

Selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, perkhidmatan kebomgaan masih diletakkan di bawah bidang kuasa tempatan dan kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, perkhidmatan kebomgaan di Selangor, Pulau Pinang dan Melaka diletakkan di bawah kuasa tempatan yang mempunyai bidang kuasa penuh terhadap perkembangan dan kemajuan perkhidmatan ini. Perbezaan kuasa ini wujud kerana sejarah awal perkembangan perkhidmatan kebomgaan bermula lebih awal di ketiga-tiga negeri ini dan berkembang maju sejak zaman penjajah.

Dalam tahun 1968, perkhidmatan bomba di Sabah telah ditadbir oleh Kementerian Kerajaan Tempatan di bawah kuasa negeri. Namun demikian, tugas dan tanggungjawab ini dikendalikan oleh anggota polis sebagai ahli bomba sehingga tahun 1969, apabila kerajaan Sabahewartakan Enakmen Perkhidmatan Bomba Sabah. Pegawai bomba yang pertama di negeri Sabah ialah Tuan Hj. Mohamad Yusop bin Hamzah yang dipinjamkan daripada Perkhidmatan Bomba Kuala Lumpur, Selangor pada 6 Mei 1968. Keadaan ini berbeza dengan negeri Sarawak kerana perkhidmatan kebomgaan ditadbir oleh 16 kuasa tempatan yang berlainan mengikut residen masing-masing. Pada tahun 1969, Kementerian Perumahan dan Pembangunan Persekutuan telah menubuhkan suruhanjaya yang dipanggil sebagai Rancangan Colombo yang diketuai oleh seorang berbangsa Inggeris Mr G.S. Leader. Tanggungjawab utama suruhanjaya ini adalah untuk membuat kajian dan mengemukakan cadangan bagi memajukan perkhidmatan bomba dan sistem perlindungan kebakaran di negara ini. Salah satu hasil daripada kajian ini adalah penyatuan Perkhidmatan Bomba Malaysia

Selain itu, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Suruhanjaya DiRaja pada tahun 1975 dan satu laporan mengenai "Remuneration" dan syarat-syarat perkhidmatan pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun telah dihasilkan. Laporan suruhanjaya ini melibatkan semua perkhidmatan awam dan terdapat beberapa cadangan yang melibatkan perkhidmatan bomba secara langsung iaitu:



- i. Mewujudkan undang-undang berkenaan dengan pencegahan kebakaran yang komprehensif.
- ii. Mengadakan penstrukturan semula perkhidmatan bomba.
- iii. Menyatukan perkhidmatan bomba di bawah seorang ketua pengarah.
- iv. Menyemak semula kadar gaji selaras dengan kadar gaji anggota polis dan penjara.
- v. Menyemak semula kebajikan berkaitan dengan kecederaan dan kematian hendaklah selaras dengan polis.
- vi. Meletakkan syarat kemasukan lulusan universiti dalam bidang sains ke dalam perkhidmatan bomba.
- vii. Membentuk tiga gred penguasa.
- viii. Membentuk tiga gred pengarah.
- ix. Merekrut pegawai di sekolah pusat latihan bomba sebelum kemasukan keperkhidmatan bomba.
- x. Membayar kadar gaji [Suffian] kepada semua anggota bomba.
- xi. Mengkaji kadar gaji baru untuk *leading fireman* dan pemandu jentera bomba.
- xii. Penyatuan jawatan kerani bilik awasan, hose binder, penguji pili bomba dan penguji alat pemadaman api kepada Ketua Ahli Bomba dan juga gaji barunya. Jawatan Ketua Ahli Bomba juga merupakan jawatan kenaikan pangkat bagi *Leading Fireman* dan juga pemandu jentera bomba.
- xiii. Penyatuan jawatan *Junior sub-Officer* dan Ketua Pemandu kepada *sub-Officer* serta gaji barunya. Jawatan ini merupakan jawatan kenaikan pangkat bagi jawatan Ketua Ahli Bomba.
- xiv. Menjumudkan jawatan pemandu mekanik dan pembantu mekanikal. Jawatan ini diganti dengan *junior technician* serta gaji barunya.
- xv. Peraturan: pelanggaran disiplin.
- xvi. Perpindahan dari satu tempat ke tempat yang lain.
- xvii. Kuasa ketua pengarah dan pengarah negeri.
- xviii. Umur persaraan.
- xix. Kemudahan perumahan percuma.



Tan Sri G.K. Rama Iyer  
Sumber: Ghandi Memorial Trust

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengalami banyak perubahan dan membangun hasil daripada laporan ini. Pada 5 Mac 1976, satu lagi suruhanjaya telah ditubuhkan untuk mengkaji tentang pencegahan dan pengawalan kebakaran di negara ini. Suruhanjaya tersebut telah mengeluarkan laporan yang dikenali sebagai Laporan Dato' Rama Iyer yang diketuai oleh Tan Sri Dato' G. K.Rama Iyer, Ketua Setiausaha Kementerian Perancangan dan Penyelidikan Sosio Ekonomi, Malaysia. Laporan ini telah mengemukakan cadangan-cadangan seperti berikut:

- i. Penyatuan perkhidmatan bomba di bawah kerajaan pusat (persekutuan).
- ii. Meningkatkan keupayaan pengawalan kebakaran sesuai dengan kemerbahayaan kebakaran.
- iii. Membuat pindaan ke atas Undang-undang Kecil Bangunan Seragam, sesuai dengan keadaan semasa serta memasukkan pematuhan oleh bangunan sedia ada.
- iv. Tempat pendaratan helikopter di bangunan-bangunan tinggi.
- v. Pemeriksaan berkala ke atas peralatan elektrik.
- vi. Sambungan terus ke balai bomba.
- vii. Jawatankuasa tetap pegawai-pegawai yang terdiri daripada badan-badan profesional dan jabatan yang berkaitan bagi mengkaji dan membuat cadangan berkaitan dengan keselamatan rekabentuk, pembinaan bangunan dan peraturan meminimumkan kemerbahayaan kebakaran.

Pada tahun 1976, satu kebakaran besar telah berlaku di Kompleks Campbell, Kuala Lumpur. Ekoran daripada kebakaran tersebut, satu suruhanjaya telah dibentuk untuk mengkaji penambahbaikan perkhidmatan kebombaanan di negara ini. Suruhanjaya ini diketuai oleh Tan Sri Alwi Jantan, Ketua Setiausaha, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Wilayah Persekutuan ketika itu dan satu laporan telah dikeluarkan yang mengandungi cadangan pencegahan kebakaran di dalam bangunan dikuatkuasakan. Laporan suruhanjaya ini juga membincangkan dan mencadangkan supaya perkhidmatan bomba disatukan di bawah satu pentadbiran.



Dato' Yahya Abd. Wahab  
Mantan Ketua Setiausaha, Kementerian  
Kerajaan Tempatan dan Wilayah  
Persekutuan



Tan Sri Alwi Jantan,  
Mantan Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kerajaan Tempatan  
dan Wilayah Persekutuan

Hasil daripada laporan Rancangan Colombo dan Laporan Suruhanjaya Diraja, Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia disatukan di bawah persekutuan dan diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 1 Januari 1976. Suruhanjaya-suruhanjaya yang diketuai oleh Tan Sri Dato' G. K. Rama Iyer dan Tan Sri Alwi Jantan telah memperkuatkan lagi usaha menyatukan perkhidmatan bomba di Malaysia. Penyatuan ini dilakukan secara berperingkat melibatkan tiga peringkat penyatuan iaitu peringkat pertama bermula pada tahun 1976 melibatkan perkhidmatan kebombaanan negeri Perlis, Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Terengganu dan Kelantan. Manakala peringkat kedua pula pada 1 Januari 1977 melibatkan perkhidmatan bomba di bawah bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Melaka. Penyatuan peringkat ketiga bermula pada 15 Mei 1981 melibatkan Perkhidmatan Bomba negeri Sabah dan Sarawak.

Pada 3 Disember 1980, satu lagi suruhanjaya telah ditubuhkan yang dipanggil Suruhanjaya Dato' Yahya Abd. Wahab. Ketika itu beliau merupakan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Suruhanjaya ini telah mengemukakan laporan khas tentang perlunya peralatan, latihan, balai bomba, bomba sukarela dan siasatan punca kebakaran.

Laporan ini telah mencadangkan supaya mewujudkan Akta Bomba dan Akta Perlindungan Kebakaran. Ini adalah kerana klausa peruntukan Undang-undang Kecil Bangunan Perbandaran Kuala Lumpur 1958 tidak mencakupi kelengkapan

perlindungan kebakaran di dalam bangunan. Selain itu, keempat-empat laporan iaitu Laporan Colombo, Laporan Suruhanjaya DiRaja, Laporan Dato' Rama Iyer dan Laporan Tan Sri Alwi Jantan juga membincangkan tentang keperluan menggubal undang-undang berkaitan dengan pencegahan kebakaran yang menjadi faktor penyumbang kepada penggubalan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984. Manakala Laporan Suruhanjaya Dato' Yahya Abd. Wahab telah menyumbang kepada penggubalan Akta Perkhidmatan Bomba 1988.

### **NAMA JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Pelbagai persoalan timbul tentang bagaimana bermulanya nama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Perkataan bomba dikatakan berasal daripada perkataan Portugis iaitu *Bombeiros* yang bermaksud pasukan pemadam. Manakala menurut Kamus Dewan, perkataan bomba mempunyai dua (2) maksud iaitu sejenis alat yang digunakan untuk mengepam air dan pasukan memadam kebakaran. Berdasarkan kepada penemuan dokumen iaitu sekeping surat permohonan kepada pemerintah negeri Kedah bertarikh 12 September 1922 bersamaan 21 Muharram 1341, membuktikan bahawa perkataan bomba telah lama digunakan. Di dalam surat tersebut, terdapat perkataan bomba ayer yang merujuk kepada permohonan penempatan bomba ayer tersebut untuk memelihara pekan Kulim daripada kebakaran.

Melalui temubual Sejarah Lisan Arkib Negara Malaysia dengan bekas Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia iaitu Tuan Hj. Mohamad Yusop bin Hamzah pada 14 Disember 2011 menyatakan bahawa jabatan ini menggunakan nama *fire brigade* sebelum ianya ditukar kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia. Usaha menukar dan menterjemahkan nama *fire brigade* dan beberapa perkataan teknikal lain berkaitan dengan jabatan telah dibuat dalam satu kempen Bulan Bahasa Kebangsaan anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka yang dilancarkan pada 28 Januari 1961. Bulan Bahasa Kebangsaan ini diadakan



selama enam tahun, iaitu dari tahun 1961 hingga 1966. Penterjemahan ini dibuat oleh beliau bersama tiga orang pegawai bomba lain iaitu Tuan Hj. Mohd Nor Daemon, G. Kandiah dan seorang pegawai berbangsa Cina dari Mentakab yang dilantik oleh Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai panel penterjemah.

Menurut beliau perkataan *fire brigade* kalau diterjemahkan secara terus bermaksud pasukan api dan dirasakan tidak berapa sesuai untuk digunakan pada masa itu. Idea untuk perkataan bomba kemudiannya diambil dari nama sejenis alat pengepam minyak atau air yang dipanggil gumba. Alat ini walau bagaimanapun hanya dapat mengepam air dan tidak memancut air. Oleh itu satu lagi perkataan lain digunakan iaitu bombat yang bermaksud menumpukan tapi masih tidak sedap didengar. Selepas itu huruf T telah dibuang dan perkataan yang digunakan hanyalah bomba sahaja. Pada 8 Januari 1997, nama jabatan sekali lagi mengalami perubahan apabila Jemaah Menteri telah bersetuju mengubah nama Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Satu majlis pengumuman dan pelancaran telah dibuat di Genting Highlands pada 21 Februari 1997 oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia pada masa itu.



## **PENSTRUKTURAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

### **1. Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba Persekutuan Tanah Melayu**

Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba telah ditubuhkan di bawah Kementerian Pembangunan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 1951. Ia berfungsi member nasihat kepada kerajaan negeri mengenai hal kebombaan, termasuk latihan kepada anggota dan orang awam. Selain itu, ia juga berperanan memperbaiki bahagian pencegahan dan membuat cadangan mengenai pencegahan dan pengawasan perlindungan kebakaran.

Pengerusi pertama Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba ialah Lt. Col F.F.C Watkins yang dilantik pada tahun 1951 sehingga 1955. Pada tahun 1956, Pegawai Bomba Negeri Kelantan Encik Othman bin Hj. Abd. Manan telah dinaikkan pangkat oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu untuk memegang jawatan tertinggi dalam Perkhidmatan Bomba dan juga merupakan anak Melayu pertama dilantik menjadi Pengerusi Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba Persekutuan Tanah Melayu. Perlantikan ini bagi menggantikan Lt. Col F.F.C Watkins yang telah tamat perkhidmatannya pada tahun 1955. Seterusnya jawatan tersebut telah diganti oleh P.A Glosz dan Tuan Hj. Mansor bin Hj. Mahat.



Lt. Col. F.F.C. Watkins  
sumber : Arkib Negara Malaysia



Othman bin Hj. Abd. Manan  
sumber : Jabatan Bomba dan  
Penyelamat Malaysia

## 2. Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Selepas semua negeri di Semenanjung Malaysia disatukan di bawah perkhidmatan bomba pada 1 Januari 1977, satu jawatan Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba telah diwujudkan bagi mentadbir dan mengurus perkhidmatan kebombaannya. Pada 1 April 1977, Tuan Hj. Mansor bin Hj. Mahat telah dilantik sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba Malaysia yang pertama dan diikuti oleh ketua pengarah seterusnya seperti berikut:




Gambar Ketua-ketua Pengarah  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### 3. Perjawatan dan Carta Organisasi

Jabatan ini berkembang maju seiring dengan pembangunan dan kemajuan negara. Di peringkat awal penyatuan iaitu pada 1 Januari 1976, jumlah perjawatan adalah sebanyak 1,712 sahaja. Jabatan dengan kerjasama kementerian telah membuat kajian semula berkaitan dengan fungsi dan peranan jabatan serta keperluan penambahan perjawatan. Hasil daripada kajian tersebut beberapa bahagian dan perjawatan baru telah diwujudkan.

Proses penstrukturan ini melibatkan beberapa fasa perubahan dalam organisasi jabatan. Walau bagaimanapun bagi tujuan penulisan sejarah ini perbandingan bahagian dan perjawatan yang dipaparkan hanya melibatkan carta organisasi peringkat awal penyatuan iaitu pada tahun 1979 dan tahun semasa 2013.

Carta Organisasi 1 : Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia 1979



Perbezaan dan perubahan yang besar dapat dilihat pada tahun 1979 iaitu sebelum penyatuan Sabah dan Sarawak. Terdapat hanya tiga bahagian sahaja di bawah bidang

kuasa Ketua Pengarah iaitu Bahagian Latihan, Bahagian Pentadbiran / Kewangan / Pembangunan / Perjawatan / Hasil pegawai tadbir dan Bahagian Pencegahan Kebakaran dengan jumlah perjawatan seramai 3,724 orang. Perubahan yang besar dapat dilihat pada masa kini, apabila Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekali lagi melakar sejarah dengan penstrukturan semula jabatan pada tahun 2005.


Penstrukturan ini telah memperluaskan bidang kuasa jabatan dimana setiap bahagian mempunyai fungsi yang lebih luas dan spesifik serta diwujudkan bahagian dan unit baru. Bahagian dan unit tersebut ialah:

- Bahagian Operasi Kebombaan dan Penyelamat
- Bahagian Keselamatan Kebakaran
- Bahagian Penyiasatan Kebakaran
- Bahagian Udara
- Bahagian Latihan
- Bahagian Pembangunan
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan
- Bahagian Kejuruteraan Jentera
- Bahagian Pengurusan
- Bahagian Pengurusan Korporat
- Unit Disiplin
- Unit Audit Dalam
- Unit Undang-Undang

Jumlah penjawatan selepas penstrukturan semula telah bertambah seiring dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 37 tahun 2005. Jumlah pengisian jawatan sehingga bulan Februari 2013 adalah seramai 13,446 orang.



Carta Organisasi 2 : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Terkini



## NILAI NILAI KORPORAT

Buku **Visi dan Misi** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah dikeluarkan oleh jabatan selepas majlis pelancaran nama dan bendera baru oleh YAB Dato' Seri Dr

Mahathir bin Mohamad pada 21 Februari 1997. Di antara isi kandungan buku ini ialah visi, misi, objektif, etika, dasar kualiti, objektif kualiti dan piagam pelanggan jabatan.

Walau bagaimanapun perubahan telah dibuat ke atas visi, misi, objektif, dasar kualiti, objektif kualiti dan piagam pelanggan jabatan di dalam buku **Pelan Strategik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (2009-2020)** selaras dengan visi negara.

Buku ini telah dilancarkan oleh YB Dato' Seri Panglima Hj. Lajim bin Hj. Ukin pada 4 Mei 2009 di perkarangan Stadium Sultan Abdul Halim Alor Star, Kedah. Visi dan misi jabatan sekali lagi mengalami perubahan apabila kajian semula telah dibuat ke atas pelan strategik jabatan dan satu surat arahan menguatkuasakan penggunaannya dikeluarkan pada 15 Januari 2013. Surat ini ditandatangani oleh Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

## **1. Visi**

Kearah sebuah organisasi kebombaian penyelamat ber taraf dunia  
(1997-April 2009)

Menjadi sebuah organisasi kebombaian dan penyelamatan bertaraf antarabangsa.  
(Mei 2009-2012)

Menjadi sebuah organisasi Kebombaian dan Penyelamatan yang berprestasi tinggi  
(2013).

## **2. Misi**

Untuk mencapai misi ini, kami komited untuk memberikan perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan secara profesional dan unggul untuk melindungi nyawa, harta benda dan alam sekitar serta memberikan perkhidmatan perikemanusiaan di semua keadaan bencana. (1997-April 2009)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia komited untuk memberi perkhidmatan kebombaian dan penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa, harta

benda dan alam sekitar dengan menggunakan sumber secara berkesan dan teknologi terkini. (Mei 2009-2012)

Memberi perkhidmatan Kebompaan dan Penyelamatan yang profesional bagi menyelamatkan nyawa dan harta benda (2013).

### **3. Objektif**

Untuk memberi khidmat mencegah dan memadam kebakaran menguatkuasakan peruntukan Undang-undang yang berkaitan serta memberi khidmat kemanusiaan dengan cekap dan berkesan. (1997-April 2009)

Untuk memberi khidmat pencegahan dan pemadaman kebakaran, menguatkuasakan Undang-undang yang berkaitan dengan aspek keselamatan dan memadam kebakaran serta menyediakan khidmat kemanusiaan yang cekap dan berkesan.(Mei 2009-sehingga kini)

### **4. Dasar Kualiti**

Komitmen kami kepada masyarakat adalah memberikan khidmat kebompaan dan penyelamatan yang profesional dan berkualiti. (1997- April 2009)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia komited untuk memberikan perkhidmatan kebompaan dan penyelamatan secara profesional dan unggul untuk melindungi nyawa, harta benda dan alam sekitar serta memberikan perkhidmatan kemanusiaan di semua keadaan bencana bagi mencapai kepuasandan keyakinan pelanggan melalui proses penambahbaikan menyeluruh. (Mei 2009-sehingga kini)

### **5. Objektif Kualiti**

Cemerlang melalui inovasi dan kualiti MS ISO 9000. (1997-April 2009)

Dari segi kualiti jabatan bertekad untuk cemerlang melalui inovasi dan kualiti MS ISO 9001-2008. (Mei 2009-sehingga kini)

### **6. Piagam Pelanggan**

Piagam pelanggan (1997-April 2009):

- Komitmen kami kepada masyarakat adalah memberikan khidmat kebombaanyang profesional dan berkesan.
- Kami berjanji sentiasa bersedia memberi khidmat kemanusiaan.
- Kami berjanji untuk memastikan dan menentukan aspek-aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran di bangunan-bangunan sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang.
- Kami berjanji sentiasa berusaha untuk memberi kesedaran mengenai keselamatan dan pencegahan kebakaran kepada orang ramai dengan efektif.

#### Piagam Pelanggan (Mei 2009-sehingga kini)

- Komitmen kami kepada masyarakat adalah untuk memberikan khidmat pemadaman kebakaran dan penyelamatan yang profesional dan berkesan.
- Kami berjanji sentiasa bersedia memberi khidmat kemanusiaan.
- Kami berjanji untuk memastikan dan menentukan aspek-aspek keselamatan dan pencegahan kebakaran di bangunan-bangunan sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang.
- Kami berjanji sentiasa berusaha untuk memberi kesedaran mengenai keselamatan dan pencegahan kebakaran kepada orang ramai dengan efektif.

#### **7. Etika**

Terdapat enam (6) etika yang diguna pakai di dalam Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia:

- Berkhidmat untuk negara kerana Allah.
- Sentiasa berkhidmat untuk faedah masyarakat.
- Taat dan Setia, Cekal dan Sabar.
- Bekerja dengan dedikasi, cekap dan berdisiplin.
- Siap Sedia Setiap Masa.
- Seerat Serasa Sehati Sejiwa.

# 1. Logo

## 1.1 Logo Jemaah Pemeriksa Perkhidmatan Bomba



## 1.2 Logo Perkhidmatan Bomba Malaysia



## 1.3 Logo Perkhidmatan Bomba Negeri



Logo Perkhidmatan Bomba Kuala Lumpur



Logo Perkhidmatan Bomba Bandaraya Kuala Lumpur



Logo Perkhidmatan Bomba Ibu Kota Kuala Lumpur



Logo Kuala Lumpur



Logo Perkhidmatan Bomba Negeri Pahang



Logo Perkhidmatan Bomba Negeri Pahang



Logo Perkhidmatan Bomba Negeri Pahang



Logo Perkhidmatan Bomba Negeri Kelantan





Logo Sibul  
Fire Brigade,  
Sarawak



Logo Kuching  
Municipal Council  
Fire Brigade



Logo Kuching  
Municipal Council  
Fire Brigade



Logo Perkhidmatan  
Bomba Negeri Johor



Logo Perkhidmatan  
Bomba Negeri Sabah



Logo Perkhidmatan  
Bomba Negeri Sabah



Logo Perkhidmatan  
Bomba Negeri  
Pulau Pinang



Logo Penang  
Fire Brigade



Logo Perkhidmatan  
Bomba Negeri Perak



Logo Perkhidmatan  
Bomba Negeri  
Terengganu

#### 1.4 Logo Lama Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



## 1.5 Logo Baru Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Logo ini dilancarkan di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Kubu Bharu pada 21 November 2008 oleh YAS Dato' Hamzah bin Abu Bakar, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



- Bahagian atas logo JBPM, terdapat bentuk bulan sabit dan bintang yang membawa makna bahawa nilai-nilai islam dan nilai-nilai murni diserapkan ke dalam budaya kerja jabatan.
- Topi keledar dan kapak bersilang bermaksud keselamatan kepada personel jabatan yang memberikan perkhidmatan yang profesional.
- Tiga butir bunga padi disusun berlapis sembilan dalam dua lingkaran melambangkan sembilan negeri beraja, kuasa jabatan untuk melaksanakan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 dan juga kemakmuran negara.
- Ikatan tali *clove* melambangkan jabatan menjalankan kerja penyelamatan.
- Warna merah melambangkan semangat keberanian yang tinggi, manakala warna kuning melambangkan jabatan menawarkan perkhidmatan yang berkualiti (*a golden service*) kepada komuniti.

## 1.6 Lencana Sedia Menyelamat

Lencana ini dilancarkan semasa Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia di Kuala Lumpur pada 7 Mei 2011 oleh YB Dato' Seri Panglima Hj. Lajim bin Hj. Ukin, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Malaysia.



- Perisai melambangkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) yang dipertanggungjawabkan sebagai agensi utama yang melindungi nyawa dan harta benda dalam apa-apa bencana.
- Pip yang terletak di tengah-tengah perisai terdiri daripada gabungan *impeller* dan kapak bersilang yang melambangkan tugas utama (*core business*) JBPM dalam melaksanakan tugas-tugas pemadaman kebakaran dan penyelamatan.
- Skrol '**SEDIA MENYELAMAT**' merupakan moto JBPM yang sentiasa bersedia sedia memberi perkhidmatan menyelamatkan dalam apa-apa situasi kecemasan.
- Lidah api melambangkan bahaya dan risiko yang dihadapi oleh pegawai-pegawai bomba dalam melaksanakan tugas pemadaman kebakaran.
- Garisan-garisan halus berwarna keemasan yang terpancar dari pusat perisai melambangkan perkhidmatan berkualiti (*a golden service*) yang ditawarkan oleh JBPM kepada masyarakat.
- Warna biru pada perisai melambangkan air yang digunakan sebagai media utama pemadaman kebakaran dan menitikberatkan kebersihan alam sekitar semasa menjalankan operasi pemadaman atau kecemasan.
- Warna merah pada pip melambangkan semangat keberanian yang tinggi di kalangan pegawai bomba dalam melaksanakan tugas operasi kebombaian dan penyelamatan.
- Pemakaian lencana '**SEDIA MENYELAMAT**' melambangkan satu pengiktirafan kepada JBPM sebagai sebuah agensi utama yang relevan dalam melaksanakan tugas-tugas kebombaian dan penyelamatan sejajar dengan fungsi dan peranannya seperti yang termaktub dalam Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

## 1.7 Logo Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia

Logo khas untuk akademi telah diperkenal dan dilancarkan oleh Dato' Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 19 Disember 2011 di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Terengganu.



Logo akademi berbentuk perisai menunjukkan warga akademi yang bersungguhsungguh untuk melahirkan warga JBPM yang mempunyai ketahanan mental dan fizikal yang tinggi dan peranan menyediakan warga JBPM dengan pertahanan daripada unsur-unsur negatif dari luar dan dalam.

- **Warna biru** melambangkan air sebagai media pemadaman dan symbol keharmonian warga akademi dalam menjalankan tugas.
- **Warna merah** melambangkan semangat dan keberanian yang diterapkan oleh warga akademi kepada semua pelanggan akademi.
- **Warna kuning** melambangkan akademi memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan (*a golden service*).
- **Topi keledar dan kapak bersilang** bermaksud keselamatan kepada personel jabatan yang memberikan perkhidmatan yang profesional.
- **Lingkaran api berantai** melambangkan warga akademi yang memiliki semangat waja dan bersatu padu dalam memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

## 2. Bendera Rasmi

Bendera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diberi wajah baru pada tahun 1995 oleh Dato' Soh Chai Hock, Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat

Malaysia selepas mengambil alih pentadbiran jabatan. Bendera ini telah dilancarkan bersama nama baru jabatan di Genting Highland pada 21 Februari 1997.



Bendera Jabatan Perkhidmatan Bomba Malaysia sebelum 1995  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Bendera Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia selepas 1995  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

- Bendera JBPM terbahagi kepada 2 bahagian, 3 segi berwarna merah dengan logo jabatan, jalur kuning dan biru dalam satu 3 segi yang lain.



- Warna merah melambangkan semangat keberanian yang tinggi di kalangan anggota bomba dalam menjalankan tugas operasi kebombaan dan penyelamatan untuk bangsa dan negara.
- 15 jalur kuning dan biru membawa maksud terdapat 15 buah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri-negeri.
- Jalur kuning melambangkan jabatan menawarkan perkhidmatan yang berkualiti (*a golden service*) kepada pelanggan dan *stakeholders* ke arah perkhidmatan bertaraf dunia dan mencerminkan kesetiaan kepada raja dan negara.
- Jalur biru melambangkan air yang digunakan sebagai media pemadaman kebakaran dan menitikberatkan kebersihan alam sekitar semasa menjalankan operasi kecemasan.

### 3. Slogan/Moto

Slogan kualiti jabatan yang pertama mula diperkenalkan pada 11 April 1984 oleh YAS Dato' Hj. Badarudin bin Mat Isa, Ketua Pengarah Perkhidmatan Bomba Malaysia iaitu "**Cekap dan Berdisiplin**".

Semasa era pentadbiran Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang ketiga YAS Dato' Soh Chai Hock, slogan kualiti jabatan telah ditukar sebanyak dua kali iaitu **Profesional Penggerak Kecemerlangan** pada tahun 1996 dan **Cekap, Ikhlas dan Berani** pada tahun 1999.

Pada 28 Oktober 1999, YAS Dato' Jaafar Sidek bin Hj. Tambi, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang keempat telah memperkenalkan slogan baru iaitu "**Kakitangan Berkualiti Perkhidmatan Berkesan**".









Slogan ini digunakan sehingga tahun 2005 apabila YAS Dato' Hamzah bin Abu Bakar, Ketua Pengarah yang baru memperkenalkan slogan "**Profesionalisme Teras Kecemerlangan**" pada 4 Mei 2007 dan "**Sedia Menyelamat**" pada 21 November 2008.






















Seiring dengan slogan sedia menyelamatkan, satu moto jabatan telah diperkenalkan iaitu **“Cepat dan Mesra”**. Moto ini telah dilancarkan oleh YAS Dato’ Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang baru pada 1 November 2010. **Cepat** ditafsirkan sebagai sesuatu perbuatan yang pantas atau lekas yang dilengkapi dengan elemen-elemen kualiti seperti kecekapan, kecergasan, kemahiran dan *sense of urgency*. Manakala **Mesra** pula adalah perasaan atau perhubungan yang bersehati, benar-benar, erat dan karib dalam semua urusan dengan pelanggan jabatan.

## GELARAN DAN TANDA PANGKAT

Perubahan skim perkhidmatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 37 Tahun 2005 telah diubah dari empat (4) lapisan kepada tiga (3) lapisan perkhidmatan dengan memansuhkan ahli bomba. Skim ini telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2006. Perubahan ini telah menyebabkan gelaran dan tanda pangkat turut berubah seperti berikut:


Jadual 2 : Jawatan/Gred dan tanda pangkat

BIL.	JAWATAN / GRED	TANDA PANGKAT	
		DI BAHU	DI KOLAR
1.	KETUA PESURUHJAYA BOMBA <i>Chief Fire Commissioner</i> (KPjB) JUSA “ A “		
2.	PESURUHJAYA BOMBA <i>Fire Commissioner</i> (PjB) JUSA “ B “		
3.	TIMBALAN PESURUHJAYA BOMBA <i>Deputy Fire Commissioner</i> (TPjB) JUSA “ C “		
4.	PENOLONG KANAN PESURUHJAYA BOMBA <i>Senior Assistant Fire Commissioner</i> ( PKPjB ) KB 54		

5.	PENOLONG PESURUHJAYA BOMBA <i>Assistant Fire Commissioner</i> ( PPjB ) KB 52		
6.	PENGUASA KANAN BOMBA I <i>Senior Fire Superintendent I</i> ( PgKB I ) KB 48		
7.	PENGUASA KANAN BOMBA II <i>Senior Fire Superintendent II</i> ( PgKB II ) KB 44		
8.	PENGUASA BOMBA <i>Fire Superintendent</i> ( PgB ) KB 41		
9.	TIMBALAN PENGUASA BOMBA <i>Deputy Fire Superintendent</i> ( TPgB ) KB 38		
10.	PENOLONG KANAN PENGUASA BOMBA <i>Senior Assistant Fire Superintendent</i> ( PKPgB ) KB 32		
11.	PENOLONG PENGUASA BOMBA <i>Assistant Fire Superintendent</i> ( PPgB ) KB 29		
12.	PEGAWAI BOMBA TINGGI <i>Leading Fire Officer</i> ( PBT ) KB26		
13.	PEGAWAI BOMBA KANAN I <i>Senior Fire Officer I</i> ( PBK I ) KB24		
14.	PEGAWAI BOMBA KANAN II <i>Senior Fire Officer II</i> ( PBK II ) KB 22		
15.	PEGAWAI BOMBA <i>Fire Officer</i> ( PB ) KB17		

## PAKAIAN SERAGAM

### 1. Pakalan Seragam Sebelum Penyatuan





## 2. Pakalan Seragam Selepas Penyatuan







### 3. Pakalan Seragam Terkini



Pakalan No. 1  
Pakalan istiadat  
Pegawai Lelaki



Pakalan No. 1  
Pakalan istiadat  
Pegawai Wanita



Pakalan No. 2  
Pakalan Bush Jacket  
Pegawai lelaki KB 29 ke atas



Pakalan No. 2  
Pakalan Bush Jacket Pegawai  
wanita KB 29 ke atas



Pakalan No. 3  
Pakalan Kerja sisip dalam  
Pegawai lelaki KB 17 - KB 26



Pakalan No. 3  
Pakalan Bush Jacket  
Pegawai wanita KB 17 - KB 26



Pakalan No. 4  
Pakalan Celoreng



Pakaian No. 5  
Pakaian Operasi  
Pegawai KB 17 - KB 26



Pakaian No. 5  
Pakaian Operasi  
Pegawai KB 29 - KB 38



Pakaian No. 5  
Pakaian Operasi  
Pegawai KB 41 ke atas



Pakaian No. 6  
Pakaian Mes  
Pegawai Lelaki



Pakaian No. 6  
Pakaian Mes  
Pegawai Wanita



Pakaian No.7  
Pakaian Kebangsaan  
Pegawai Lelaki



Pakaian No. 7  
Pakaian Kebangsaan  
Pegawai Wanita



Pakaian No. 8  
Pakaian Ikhidmat



Pakaian No. 9  
Pakaian Unit Udara



## **Pingat Kebesaran Jabatan**

Pada 30 Mei 1997, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengeluarkan satu garis panduan bagi pengurniaan pingat kebesaran jabatan yang ditandatangani oleh Dato' Soh Chai Hock, mantan Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan diguna pakai sehingga kini. Ia merupakan satu pengiktirafan jabatan kepada mereka yang telah berbakti dan berjasa dalam hal kebombaanan dan penyelamatan,

menunjukkan taat setia dan memberikan perkhidmatan dalam tempoh masa yang lama serta cemerlang dalam menjalankan tugas. Pingat kebesaran tersebut ialah

- Pingat Ketua Pengarah Bomba (pkpb)
- Pingat Jasa Bomba (PJB)
- Pingat Setia Bomba (PSB)
- Pingat Cemerlang Bomba (PCB)

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekali lagi melakar sejarah dengan memperkenalkan Bintang Jasa Bomba (BJB) pada 29 November 2000, yang merupakan pengiktirafan tertinggi jabatan dimana tiga(3) orang telah dianugerahkan bintang tersebut iaitu Datuk Khalib bin Hj. Husin, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Hj. Helmi bin Hj. Yahya, Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang dan Dato' Hj Badarudin bin Mat Isa, mantan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

## **Bintang Jasa Bomba (BJB)**

Bintang Jasa Bomba (BJB) adalah anugerah kebesaran tertinggi JBPM. Bintang ini dianugerahkan kepada:-

- Anggota Pentadbiran Negeri / Persekutuan;
- Ketua Setiausaha Kementerian/ Setiausaha Kerajaan yang memberi sumbangan kepada kemajuan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;



- Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sama ada masih berkhidmat atau telah bersara; dan
- Kepada mereka yang tinggi jasa dan komitmennya kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

### **Pingat Ketua Pengarah Bomba (PKPB)**

Pingat Ketua Pengarah Bomba (PKPB) dikurniakan kepada mereka yang telah berbakti dan berjasa dalam apa jua lapangan terutama dalam hal kebombaanan dan penyelamatan dan mencapai salah satu atau lebih daripada tahap berikut:-

- Telah menunjukkan jasa dan kejayaan yang lebih daripada kejayaan biasa;
- Telah memberikan perkhidmatan yang tinggi mutunya dan menjalankan tugas-tugas yang bahaya, sukar dan boleh dianggap sebagai berani dan juga telah menyelesaikan tugasnya dengan cemerlang;
- Telah memberi sumbangan bakti dalam apa jua bentuk kepada jabatan khasnya dalam masyarakat amnya yang mana sumbangan baktinya itu ada hubungkait dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan
- Telah melaksanakan tugas-tugas atas arahan atau secara sukarela yang berlebihan daripada tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya sebagai pegawai awam.



Pingat Ketua Pengarah Bomba ini akan dikurniakan kepada:

- Pegawai dan anggota bomba dan penyelamat yang sedang berkhidmat atau yang telah bersara;



- Kakitangan gunasama yang sedang berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, yang telah bertukar atau yang telah bersara;
- Pegawai dan anggota bomba dan penyelamat serta Kakitangan gunasama yang sedang berkhidmat dengan jabatan bomba dan penyelamat dari luar negeri; dan
- Orang awam, anggota bomba sukarela, anggota bomba bantuan, anggota bomba swasta, pertubuhan-pertubuhan yang berkaitan dengan tugas bomba dan penyelamat dan badan-badan berkanun.

### **Pingat Jasa Bomba (PJB)**

Pingat Jasa Bomba (PJB) ini dikurniakan kepada mereka yang telah berkhidmat lama dan berjasa dalam apa jua lapangan terutama dalam hal Kebombaan dan Penyelamatan dan mencapai salah satu atau lebih daripada tahap berikut:-

- Telah menunjukkan jasa dan kejayaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatan mereka;
- Telah memberikan perkhidmatan yang tinggi mutunya dan menjalankan tugas-tugas yang boleh dianggap sebagai berani dan juga telah menyelesaikan tugasnya dengan cemerlang;
- Telah memberikan sumbangan bakti dalam apa jua bentuk kepada Jabatan khasnya dan masyarakat amnya yang mana sumbangan baktinya itu ada hubungkait dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan
- Telah melaksanakan tugas-tugas atas arahan atau secara sukarela yang berlebihan daripada tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya sebagai pegawai awam.



Pingat Jasa Bomba ini akan dikurniakan kepada:

- Pegawai dan anggota bomba dan penyelamat yang telah atau sedang berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, tidak kurang dari 20 tahun;
- Kakitangan gunasama yang telah atau sedang berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, tidak kurang dari 15 tahun;
- Pegawai dan anggota bomba dan penyelamat serta kakitangan gunasama yang telah bersara atau telah bertukar ke jabatan lain yang mana tempoh perkhidmatan mereka dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, tidak kurang dari 15 tahun; dan
- Anggota bomba sukarela, anggota bomba bantuan, anggota bomba swasta yang telah berkhidmat secara berterusan tidak kurang 15 tahun.

### **Pingat Setia Bomba (PSB)**

Pingat Setia Bomba (PSB) ini dikurniakan kepada mereka yang telah berkhidmat lama dan mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan mencapai salah satu atau lebih daripada tahap berikut:

- Telah menunjukkan jasa dan kejayaan yang baik sepanjang perkhidmatan mereka;
- Telah memberikan perkhidmatan yang baik dan telah menunjukkan taat setia kepada jabatan;
- Telah memberi sumbangan bakti dalam apa jua bentuk kepada jabatan khasnya dan masyarakat amnya yang mana sumbangan baktinya itu ada hubungkait dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan
- Melaksanakan tugas-tugas atas arahan atau secara sukarela yang berlebihan daripada tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya sebagai pegawai awam.



Pingat Setia Bomba ini akan dikurniakan kepada:

- Pegawai dan anggota Bomba dan Penyelamat yang telah atau sedang berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, tidak kurang dari 15 tahun;
- Kakitangan gunasama yang telah atau sedang berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, tidak kurang dari 10 tahun;
- Pegawai dan anggota bomba dan penyelamat serta kakitangan gunasama yang telah bersara atau yang telah bertukar ke jabatan lain yang mana tempoh perkhidmatan mereka dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, tidak kurang dari 10 tahun; dan
- Anggota bomba sukarela, anggota bomba bantuan, anggota bomba swasta yang aktif dan telah berkhidmat secara berterusan tidak kurang dari 10 tahun.

### **Pingat Cemerlang Bomba (PCB)**

Pingat Cemerlang Bomba (PCB) ini dikurniakan kepada mereka yang telah berjasa dan berkhidmat dengan cemerlang kepada jabatan dan kerajaan Malaysia dan telah mencapai salah satu atau lebih daripada tahap berikut;

- Telah menunjukkan jasa dan kejayaan yang cemerlang sepanjang perkhidmatan mereka;
- Telah memberikan perkhidmatan yang baik dan telah menunjukkan mutu kerja yang cemerlang serta taat setia kepada jabatan dan telah dianugerahkan 'Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Perkhidmatan Awam' sekurang-kurangnya dua kali dalam masa perkhidmatannya;



- Telah memberi sumbangan bakti yang cemerlang dalam apa jua bentuk kepada jabatan khasnya dan masyarakat amnya yang mana sumbangan baktinya itu ada

hubungkait dengan tugas dan tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; dan

- Telah melaksanakan tugas-tugas dengan cemerlang atas arahan atau secara sukarela yang berlebihan daripada tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya sebagai pegawai awam.

Pingat Cemerlang Bomba ini akan dikurniakan kepada:

- Pegawai dan anggota bomba dan penyelamat yang telah atau sedang berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- Kakitangan gunasama yang telah atau sedang berkhidmat dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia;
- Pegawai dan anggota bomba dan penyelamat serta kakitangan gunasama yang telah bersara atau telah bertukar ke jabatan lain yang mana tempoh perkhidmatan mereka dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, telah menunjukkan tahap perkhidmatan yang cemerlang; dan
- Anggota bomba dan pasukan bomba sukarela, anggota atau pasukan bomba bantuan, anggota atau pasukan bomba swasta yang aktif dan menunjukkan tahap perkhidmatan yang cemerlang dalam bidang kebombaanan dan penyelamatan.

## **IKRAR BOMBA DAN LAGU BOMBA**

### **1. Ikrar Bomba**

Ikrar Bomba telah dibukukan di dalam buku **Visi dan Misi** Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan diterbitkan oleh jabatan pada tahun 1997. Ikrar Bomba tersebut ialah:

Bahawa kami,  
Pegawai-pegawai bomba dan penyelamat  
Menyedari tanggungjawab,  
Kepada negara, bangsa dan agama

Berpegang teguh kepada  
Teras perkhidmatan cemerlang  
Berikrar akan bekerja dengan ikhlas,  
Penuh tanggungjawab dan beramanah  
Tidak akan menggunakan kedudukan  
Jawatan untuk kepentingan diri,  
Berkhidmat dengan penuh muhibah dan  
Kemesraan demi meningkatkan disiplin  
Produktiviti dan kualiti  
Perkhidmatan awam.

## 2. **Lagu Bomba**

Usaha untuk menyemarakkan semangat dan kecintaan pegawai kepada jabatan dan perkhidmatan kebombaannya telah ditanam dan diterapkan melalui nyanyian lagu bomba di setiap majlis yang diadakan dan ketika pegawai bomba mengikuti kursus asas kebombaannya. Lagu “**Siap Sedia Setiap Masa**” telah dicipta pada tahun 1978 oleh Ketua Ahli Bomba Hj. Abu Nasir bin Hj. Hassan.

### “**Siap Sedia Setiap Masa**”

Kami anggota bomba  
Di seluruh negara  
Bersiap dan sedia  
Disetiap masa  
Mengawal kebakaran  
Di kota dan di desa  
Menyelamatkan nyawa  
Dan juga harta benda  
Rukun negara kami junjung bersama  
Penuh setia dengan semangat waja  
Dari Perlis hinggalah ke Sabah  
Mendukung etika bekerja



Kepada rakyat semua  
Marilah bekerjasama  
Untuk menghindarkan  
Segala malapetaka  
Demi kesejahteraan  
Kita bersama  
Barulah kita hidup  
Aman damai selamanya

## **PUSAT LATIHAN/AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Perkembangan perkhidmatan kebombaanan memerlukan penubuhan pusat latihan setempat bagi melatih anggota dan pegawai bomba baru tentang ilmu kebombaanan. Beberapa pusat latihan telah ditubuhkan secara berperingkat bagi menampung keperluan jabatan dalam usaha memberikan perkhidmatan kebombaanan yang terbaik kepada masyarakat dan negara.

### **1. Pusat Latihan Bomba Gombak, Selangor**

Pusat Latihan Bomba yang pertama ditubuhkan pada tahun 1957 di Bangunan Pejabat Pertahanan Awam, Jalan Gurney, Kuala Lumpur sebelum dipindahkan ke *Birch Road* yang kini dikenali Jalan Maharajalela. Pusat latihan ini kemudiannyadipindahkan ke sebuah bangunan di Batu 6, Gombak, Selangor sehingga tahun 1972. Berikut adalah komandan-komandan yang pernah berkhidmat di pusat latihan tersebut bermula dari tahun 1958 sehingga 1972.



## 2. Pusat Latihan Bomba Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor

Pada bulan Januari 1972, pentadbiran Pusat Latihan Gombak telah dipindah ke Kuala Kubu Bharu, Selangor. Pembukaan secara rasminya disempurnakan oleh Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Ong Kee Hui pada 28 Februari 1973 di atas tapak seluas 13 ekar. Pusat Latihan Bomba Malaysia, Kuala Kubu Bharu ini kemudiannya telah ditukarkan dan dinaikkan taraf kepada Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, pada tahun 1997. Berikut adalah komandan-komandan yang pernah berkhidmat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Kubu Bharu.



HJ Bedarudin  
bin Mat Isa  
1972-1977



Raja Alam Shah bin  
Raja Mohamed  
1977-1979



Soh Chai Hock  
1979-1980



Mohd Husain bin  
Ahmad Talin  
1980-1984



Mohd Ali bin Tambi Chik  
1984-1987



Mahedi bin Md Ali  
1987-1991



Wan Mohd Nor bin  
HJ Ibrahim  
1991-1994



HJ Zurkaimin bin Mohd  
Kassim  
1994-1998



Mohd Rozli bin Sulaiman  
1998-2000



Khirudin bin Drahman  
Husaini  
2000-2003



Norazam bin Khamis  
2003-2004



Nordin bin Pezdi  
2004-2005



Nazli bin HJ Mahmood  
2005-2008



Norhisham bin Mohammed  
2008-2011



Heron bin HJ Tahir  
2011



Pemandangan Akademi Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Pemandangan Akademi Bomba dan Penyelamat Kuala Kubu Bharu  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia





### **3. Pusat Latihan Bomba Wilayah Shah Alam, Selangor**

Mula beroperasi pada tahun 1984, diketuai oleh seorang ketua pegawai latihan dengan keanggotaan seramai enam (6) orang termasuk seorang kerani am. Pusat latihan ini ditutup secara rasmi pada 30 Ogos 2009 selepas penstrukturan semula jabatan dan diserahkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Selangor. Berikut adalah senarai nama ketua pegawai latihan yang telah berkhidmat di pusat latihan tersebut:-

Khamli bin. A Rani 1984-1986

Yaakob bin Othman 1987-1990

Jamil bin Saadon 1991-1992

Mohd Puzi bin Tabot 1993-1997

Jamaluddin bin Ismail 1998-1998

Hussein bin Abd Rahman 1998-2000

Jaafar bin Amil 2001-2004



Sarikan bin Bustaman 2005-2005

Abdul Manaf bin Che' Isa 2006-2009



#### **4. Pusat Latihan Bomba Wilayah Ipoh, Perak**

Pusat Latihan Bomba Wilayah Ipoh, Perak telah ditubuhkan pada tahun 1997 dan telah dinaik taraf kepada Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ipoh pada tahun 2008. Pusat latihan ini beroperasi di bangunan sementara di kuarters, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Perak. Berikut adalah senarai nama ketua pegawai latihan/komandan yang telah berkhidmat di Pusat Latihan Bomba Wilayah Ipoh/Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ipoh:-

Nor Azlan bin Abdul Rahman 1997-2004

Saroni bin Jamingan 2004-2009

Mohamad Zin bin Salleh 2009



## 5. Pusat Latihan Bomba Wilayah Sabah

Pusat Latihan Bomba Wilayah Sabah telah ditubuhkan pada 1 Januari 1986 dan ditempatkan di Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jalan Sembulan Kota Kinabalu. Pusat Latihan ini telah dinaik taraf menjadi Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia pada 1 Jun 2009 dan kemudiannya dipindahkan ke Jalan Sulaman, Sepanggar, Kota Kinabalu. Berikut adalah senarai nama ketua pegawai latihan / komandan yang telah berkhidmat di Pusat Latihan Bomba Wilayah Sabah / Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Sabah:-

Edmund Wong Yun Kong 1986-1988

Karim bin Hj. Taha 1989-1990

Kassim bin Maidin 1991-1995

Albert Jiran Tanjung 1996-2001

Sarikan bin Bustaman 2002-2004

Johari bin Dzul kifle 2005-2008

Zainal bin Madasin 2009-2010

Juliana binti Tinggal 2011-2012

Johari bin Dzul kifle 2013



## **6. Pusat Latihan Bomba Wilayah Sarawak**

Pusat Latihan Bomba Wilayah Sarawak telah ditubuhkan pada Oktober 1982. Penempatan pertama pusat latihan ini ialah di Balai Bomba dan Penyelamat Kuching, Jalan Padungan, Kuching, Sarawak dari tahun 1982 hingga tahun 2000. Pada tahun 2000 sehingga 2005, Pusat latihan ditempatkan di Balai Bomba dan Penyelamat Kota Samarahan, Sarawak sebelum dipindahkan ke Balai Bomba dan Penyelamat Batu Lintang. Pada 1 April 2010, akademi sekali lagi telah dipindahkan ke Balai Bomba dan Penyelamat Bau dan dikenali sebagai Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Sarawak. Berikut adalah senarai nama ketua pegawai latihan / komandan yang telah berkhidmat di pusat latihan/akademi di Sarawak:-

Karnail Singh Khaira 1982-1987

Martin anak Entamin 1987-1995

Mohamad Fauzi bin Hj. Mohamad Kifli 1995-2000

Augustine Stephen Jengka 2000-2001

Khairul Hasni bin Mokhtar 2001-2004

Christia Corrin Tagol 2004-2009

Yusri bin Mohd Yusoff @ Hashim 2009-2011

Madu anak Anggut 2011-2012

Mohamad Fauzi bin Hj. Mohamad Kifli 2013



## **7. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Terengganu**

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai dibina pada tahun 2000 dengan keluasan 100 hektar. Majlis pecah tanah telah disempurnakan YB Dato' Dr. Ting Chew Peh, Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada tahun 1999. Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai mula beroperasi pada 7 Oktober 2002. Berikut adalah senarai nama ketua pegawai latihan / komandan yang telah berkhidmat di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Terengganu:-

Mohd Kharu bin Sulaiman 2002-2003

Hj. Ahmad Tarmidzi bin Khalil 2003-2004

Nordin bin Pauzi 2004-2008

Norazam bin Khamis 2008

Pada masa kini, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia mempunyai lima (5) buah akademi di seluruh Malaysia iaitu Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Kubu Bharu, Selangor; Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Wakaf Tapai, Terengganu; Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Ipoh, Perak; Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Sarawak dan Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia, Sabah. Bagi mencapai kecemerlangan, pihak pengurusan akademi telah berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan dan telah berjaya memperolehi sijil MS ISO 9001:2000 pada 19 September 2008.

## **PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RANCANGAN MALAYSIA**

Sebelum penyatuan, peruntukan kewangan disalurkan kepada jabatan melalui pihak berkuasa tempatan. Bagaimanapun selepas penyatuan iaitu bermula daripada Rancangan Malaysia Ketiga pada tahun 1976, peruntukan kewangan mula disalurkan kepada jabatan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Peruntukan tersebut telah dibelanjakan untuk memajukan perkhidmatan kebombaanan di Negara ini terutamanya bagi pembinaan pusat pentadbiran (ibu pejabat), balai-balai bomba, pusat latihan, perolehan jentera bomba dan peralatan serta kelengkapan pemadaman dan penyelamatan. Peruntukan bagi setiap Rancangan Malaysia bermula dari Rancangan Malaysia Ketiga adalah seperti berikut:-

**Bil. Tempoh Rancangan Malaysia Tahun Jumlah Peruntukan (Rm Juta)**

BIL.	Tempoh Rancangan Malaysia	Tahun	Jumlah Peruntukan (RM Juta)
1.	Rancangan Malaysia Ke-3	1976 - 1980	34.70
2.	Rancangan Malaysia Ke-4	1981 - 1985	49.40
3.	Rancangan Malaysia Ke-5	1986 - 1990	38.20
4.	Rancangan Malaysia Ke-6	1991 - 1995	247.70
5.	Rancangan Malaysia Ke-7	1996 - 2000	460.60
6.	Rancangan Malaysia Ke-8	2001 - 2005	1,521.42
7.	Rancangan Malaysia Ke-9	2006 - 2010	1,542.32
8.	Rancangan Malaysia Ke-10 (Rolling Plan Pertama dan Kedua)	2011 - 2015	306.75

Jadual 3 : Pengagihan dan peruntukan di bawah Rancangan Malaysia



## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA MELAKAR SEJARAH

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima anugerah dan pengiktirafan dari dalam dan luar negara seperti berikut:

Bil.	Anugerah	Tarikh
1.	Anugerah Khidmat Cepak oleh Dewan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (NCCIM)	28 Nov 1997
2.	Hadiah Daya Penerbitan oleh Persatuan Linguistik Malaysia dan Public Bank atas penerbitan buku Asas Kebombaan	17 Ogos 1998
3.	Anugerah Inovasi kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, negeri Perak oleh MAMPU/NPC atas ciptaan Remover HAZMAT Simulator & Nozzle Holster Project	1998
4.	Honourable Mention Awards CAPAM 1998 kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan kertas kerja "Towards World Class Fire and Rescue Organisation Through Innovation" oleh Commonwealth Association For Public Administration and Management (CAPAM)	1998
5.	Guinness Books of Records (MALAYSIA) "Snatch Rescue" oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di Bangunan Berkembar Petronas	17 Apr 1998
6.	Anugerah Penyertaan Kualiti Perdana Menteri kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	1998
7.	Bronze medal awards CAPAM 2000 Sijil Pencapaian Program Anugerah Inovasi Antarabangsa CAPAM: JBPM: Rapid Intervention Motorcycle	Oktober 2000
8.	Pengiktirafan MS ISO 9002 kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, negeri Perlis	15 Mac 2001
9.	Anugerah Kualiti Y.B Menteri Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia di atas kecemerlangan pengurusan sukan, keajaiban dan sosial peringat kebangsaan	2001
10.	Sijil Penghargaan NPC; Anugerah Emas Dua Bintang sempena Konvensyen GCC Kebangsaan	26-28 Ogos 2003
11.	Anugerah Ketua Pengarah MAMPU kepada pasukan KMK Pelangi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, negeri Pulau Pinang dalam Konvensyen KMK Sektor Awam	2004
12.	Anugerah Emas dari National Productivity Corporation (NPC) kepada pasukan KMK Pelangi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, negeri Pulau Pinang dalam Konvensyen KMK Wilayah Utara	2004

BIL.	Anugerah	Tarikh
13.	Anugerah Ketua Pengarah MAMPU (Kategori Teknikal) – Konvensyen KMK Peringkat Kebangsaan Sektor Awam ke 21	2004
14.	Rekod Dunia (Pasukan Pertama) – Absell dari tingkat 88 Menara Berkembar, KLCC oleh <i>Malaysia Book of Records</i>	2 Mac 2004
15.	Persijilan Kualiti MS ISO 9000 kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia oleh MAMPU atas pematuhan dan menepati MS ISO 9001:2000	19 Julai 2005
16.	Sijil Penghargaan kerana menerima Sijil Pendaftaran Sistem Kualiti MS ISO 9000 oleh KPKT sempena Sambutan Hari Q	22 Dis 2005
17.	Sijil Penghargaan Misi-Misi Bantuan Kemanusiaan di Luar Negara mulai 28 Disember 2004	26 Dis 2005
18.	Anugerah Kerajaan Korea kepada pasukan KMK Pelangi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, negeri Pulau Pinang dalam persembahan IQGCC di Changwon, Korea	8-11 Nov 2005
19.	Sijil Pencapaian <i>International Convention on Quality Control Circle 29<sup>th</sup></i> di Beijing, China	24-27 Oktober 2007
20.	10 Kumpulan Terbaik Sektor Awam Konvensyen ICC Kebangsaan (Perbadanan Produktiviti Negara NPC)	2004
21.	Anugerah Khas Kualiti KPKT 2007 kepada Kumpulan Pelangi kerana berjaya mewakili negara di ' <i>International Convention on Quality Control Circles</i> ' di Beijing, China	2007
22.	<i>International Convention on Quality Control Circles (IQGCC)</i>	2011
23.	<i>Union Japanese Scientists and Engineer (JUSE)</i>	11 Sept 2011
24.	Anugerah Khas Kualiti KPKT 2011 kepada kumpulan Ignis kerana berjaya mewakili negara di ' <i>International Convention on Quality Control Circles</i> ' di Yokohama, Jepun	2011
25.	Persijilan Kualiti MS ISO 9001:2008 kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. di atas pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti.	10 Dis 2012

Jadual 4 : Senarai anugerah dan pengiktirafan dari dalam dan luar negara

# WORLD RECORD



## GUINNESS BOOK OF RECORDS

*On 17 April 1998,  
21 firemen and one firewoman from the  
Malaysian Fire and Rescue Department  
carried out the highest snatch and rescue  
operation from the 88th floor of the  
KLCC Petronas Towers, Kuala Lumpur  
at a height of 428 metres*

JOINT PUBLISHING DIRECTORS

IAN CASTELLO-CORTES

MICHAEL FELDMAN

*Ian Castello-Cortes*

*Michael Feldman*



International Innovations Awards Programme  
CAPAM Biennial Conference  
South Africa, October, 2000

### Certificate of Achievement

CAPAM takes great pleasure in recognizing

**Fire and Rescue  
Department of Malaysia**  
as a Finalist in the 5000 CAPAM  
International Innovations Awards Programme.

This Certificate of Achievement acknowledges that  
Fire and Rescue Department of Malaysia  
ranked in the top 10 of 119 submissions to the Programme  
from 15 countries world wide.

Submitters were judged based on the criteria of Innovation, Effectiveness, Relevance,  
Significance, Replication, and Appropriateness to Context. Given the quality of the Award  
submissions, from developed and developing countries and Small and Island States,  
it is a significant accomplishment to reach the status of Finalist.

The submission

**Rapid Intervention Motorcycle Unit**

is recognized by CAPAM as being truly innovative and worthy  
of the recognition that accompanies achievement such as this in the public sector.

The entry submitted also exemplifies the theme  
of the Awards Programme:

**"Service to the Public"**

Congratulations

*Y. Bhg Tan Sri Dato' Seri*

Y. Bhg Tan Sri Dato' Seri  
Ahmad Sarji bin Abdul Hamid  
CAPAM Past President

Congratulations

*Zaki Khasanah*

Hon. Dr. Zaki Khasanah  
CAPAM President



**Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia**

*dengan ini diawakerti*

**HADIAH DAYA USAHA PENERBITAN  
(Sektor Awam)**


atau kesanggupan memperkayakan buku-buku ini  
untuk becahan umum di dalam barisan Malaysia  
pada 15 Ogos 1998

  
PROF. DATO' DR. NDZ SAIFUDDIN EZZAM  
Pengerusi  
Persekutuan Pengacari Malaysia

  
Y. A. S. DATO' SERI ANWAR IBRAHIM  
Datuk Besar Peranan Menteri Malaysia  
Pengerusi  
Persekutuan Pengacari Malaysia

  
TAN SERI DATO' DR. TENG HOCKOO KIEW  
Pengerusi Persekutuan Pengacari  
Public Bank

BERSATUAN  
LEKASERIK MALAYSIA   PUBLIC BANK






The poster features a large, colorful graphic of a globe with a grid of dots, representing the ICQCC 2005. Below the globe is a large, stylized number '1' that also forms the shape of a bell. The text 'ICQCC 2005' is prominently displayed in a large, bold, serif font, with 'Changwon, Korea' and 'ONSITE PROGRAM' in smaller fonts below it. At the bottom, there is a tagline 'New Horizon of QC Circle in the Changing Environment' and the dates 'November 8 - November 11, 2005'. The footer includes the logos and names of the organizing bodies: 'GSEONGGANGWAM-DO', 'KSA' (Korea Society of Quality Assurance), and 'CHANGWON CITY'.

INTERNATIONAL CONFERENCE  
ON QUALITY CIRCLE CIRCLES

**ICQCC 2005**  
Changwon, Korea  
ONSITE PROGRAM

New Horizon of QC Circle in the Changing Environment  
November 8 - November 11, 2005

Organized by

 GYONGGANGWAM-DO  KSA  CHANGWON CITY





## 1. Kerjasama dengan Negara-Negara Luar

Bil.	Negara-Negara Luar	Bidang	Tahun
1.	MoU di antara kerajaan Kemboja dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Structural Fire Fighting dan Peralatan Kebomgaan	1996
2.	MoU di antara Kerajaan Finland dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	HAZMAT dan Pengurusan Kebomgaan	1997
3.	MoU di antara Kerajaan Scotland (UK) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Marine Fire Fighting, RTA dan Peralatan Kebomgaan	1997
4.	MoU di antara Kerajaan Indonesia dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Kebakaran Hutan, Tanah Gambut dan Arang Batu.	1997
5.	MoU di antara Kerajaan Perancis dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Kebakaran hutan dan Airborne Fire Fighting.	1997
6.	MoU di antara New South Wales Rural Fire Services Australia dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Bomba Sukarela dan Forest Fire.	1999
7.	MoU di antara University of Nevada, Reno, USA dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	HAZMAT dan Pengurusan Kecemasan	2001
8.	MoU di antara University of Western Sydney Australia dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.	Kejuruteraan kebomgaan, 'Incident Command Emergency System' (ICS)	2001

Jadual 5 : Kerjasama dengan negara-negara luar



Upacara menandatangani MoU di antara Kerajaan Finland dengan  
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

## 2. Kerjasama dengan Pusat Pengajian Tinggi Tempatan

BIL.	Pusat Pengajian Tinggi Tempatan	Bidang	Tahun
1.	MoU kerjasama <i>Master in Science</i> (MSc) di antara Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.	Pengajian <i>Master in Science</i> (MSc) & Diploma, serta kepakaran teknikal.	1998
2.	MoU kerjasama Latihan di antara Institut Usahawan Muda (IUM) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Kursus Asas Pencegahan dan Keselamatan Kebakaran untuk fire contractor.	1998
3.	MoU kerjasama latihan di antara Construction & Industrial Safety Training Centre (CONSIST) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Latihan Kemahiran dan Teknikal.	2000
4.	MoU kerjasama di antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Pengajian <i>Master in Science</i> (MSc) & Diploma, serta kepakaran teknikal.	2001
5.	MoU kerjasama di antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Forensik	2009
6.	MoU kerjasama di antara Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Forensik	2010
7.	MoU kerjasama di antara Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Forensik	2011

Jadual 6 : Kerjasama dengan pusat pengajian tinggi tempatan



Upacara menandatangani MoU di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Universiti Teknologi Malaysia pada 18 Jun 2009  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Upacara menandatangani MoU di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Universiti Sains Malaysia pada 10 Ogos 2010  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia





Upacara menandatangani MoU di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 22 Februari 2011  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Upacara menandatangani MoU di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan Institut Integriti Malaysia pada 20 Januari 2009  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### 3. Kerjasama dengan Jabatan Kerajaan

Bil	Jabatan Kerajaan	Bidang	Tahun
1.	MoU Kerjasama di antara Institut Integriti Malaysia (IIM) dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia	Pelaksanaan Program Integriti	2009

Jadual 7 : Kerjasama dengan jabatan-jabatan kerajaan

## PASUKAN KHAS

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menubuhkan pasukan khas berkonsepkan *multi-skill* bagi meningkatkan mutu perkhidmatan sejajar dengan visi dan misi jabatan.

### 1. *Hazardous Materials* (HAZMAT)

Letupan Kilang Mercun di Sungai Buloh pada 7 Mei 1991, menjadi titik tolak kesedaran tentang pentingnya penekanan terhadap keselamatan industri dalam usaha negara mencapai status Negara perindustrian.



Pasukan HAZMAT  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Uentera HAZMAT  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

---

Ekoran daripada kejadian tersebut, kerajaan telah membentuk Majlis Industri Kebangsaan Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya yang diurus setia oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak 24 jawatankuasa kecil telah dibentuk meliputi pelbagai aspek seperti pengeluaran, penyimpanan, pengangkutan, import dan eksport, pembungkusan, pembuangan dan lain-lain. Daripada jawatankuasa tersebut sebanyak tujuh jawatankuasa telah melibatkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.



Melalui Keputusan Jawatankuasa Kabinet, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia diminta mengambil tanggungjawab mengendalikan kemalangan yang berkaitan dengan bahan kimia berbahaya dan peraturan pengendalian kemalangan dibuat oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Peraturan ini dikenali sebagai CIMAH (*Control of Industrial Major Accident Hazards*).



Menyedari tanggungjawab ini, pengurusan tertinggi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah mengorak langkah dengan menghantar seorang pegawai kanan iaitu Tuan Mohammad Hamdan bin Hj. Wahid bagi mengikuti Kursus *Hazardous Materials Course* (HMC) di *Fire Services College, Moreton In Marsh, United Kingdom* pada 1992.

Explorasi yang dibuat oleh beliau telah memberi laluan kepada pihak kolej bagi mengendalikan Kursus Khas *Hazardous Materials* untuk Malaysia. Ekoran dari itu seramai 11 orang pegawai kanan bomba dihantar untuk menghadiri kursus khas ini. Kumpulan ini telah diketuai oleh Tuan Hj. Zurkarnain bin Mohd Kassim.

Sekembalinya mereka dari United Kingdom, pasukan ini telah dipertanggungjawabkan untuk merangka rancangan jangka panjang dan jangka pendek bagi penubuhan pasukan HAZMAT Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Pasukan ini telah menggubal modul latihan, mereka bentuk jentera dan kaedah bertindak sekiranya berlaku kemalangan yang melibatkan bahan kimia berbahaya.

Akhirnya, pada 29 Oktober 1992, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menerima sebanyak 7 buah jentera HAZMAT dan ditempatkan seperti berikut:

- Kuala Lumpur.
- Shah Alam, Selangor
- Port Dickson, N. Sembilan
- Kerteh, Terengganu
- Pasir Gudang, Johor
- Jalan Perak, Pulau Pinang
- Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Kuala Kubu Bharu (bagi tujuan latihan)

## **2. *Emergency Medical And Rescue Services (EMRS)***

Idea awal penubuhan pasukan *Emergency Medical Services (EMS)* adalah sebagai pelengkap kepada pasukan HAZMAT dan kemudiannya ditubuhkan secara berasingan. Pada tahun 2005, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur menjadi perintis kepada penubuhan pasukan ini dan diperluaskan ke seluruh negeri di Semenanjung Malaysia pada 1 Januari 2007. Penukaran nama pasukan ini kepada Pasukan Perkhidmatan Penyelamatan dan Perawatan Kecemasan (*Emergency Medical Rescue Service*) telah dibuat pada tahun 2008. Pasukan ini berperanan sebagai pasukan perawatan kecemasan di lokasi kejadian bagi kakitangan jabatan yang mengalami kecederaan semasa menjalankan operasi dan memberikan rawatan kepada mangsa selain kakitangan jabatan yang memerlukan rawatan segera. Pegawai EMRS ini juga



dilatih secara profesional dan dikehendaki menjalani latihan praktikal di bawah penyeliaan doktor di hospital yang bertauliah. Setakat ini (2011) jabatan telah melantik 386 pegawai EMRS seluruh Malaysia kecuali di Labuan.



Menyelamatkan Mangsa Kemalangan  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

### 3. Unit Udara

Pada tahun 1992, satu kerjasama di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Kuala Lumpur, Unit Udara Polis DiRaja Malaysia dan Unit Kecemasan Hospital Kuala Lumpur telah ditubuhkan yang diberi nama *Emergency Medical Air Response Services* (EMARS). Penubuhan ini sebagai langkah persediaan sekiranya berlaku bencana yang



*Emergency Medical Air Response Services*  
(EMARS)  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

memerlukan tindakan segera anggota penyelamat dan paramedik yang cepat melalui udara. Menyedari keperluan ini, pada 13 Ogos 1996, satu cadangan mengujudkan Unit Udara Bomba telah dikemukakan oleh Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia kepada Menteri, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Bencana jerebu yang melanda negara dan rantau ini pada pertengahan tahun 1997 turut menyokong kewujudan unit ini. Pada 18 Mac 1998, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan pembelian dua (2) buah helikopter untuk tujuan pemadaman dan penyelamatan.

Unit Udara Bomba dan Penyelamat Malaysia telah ditubuhkan secara rasmi pada 11 September 1998 dan majlis penyerahan dua (2) buah helikopter telah disempunakan oleh Tun Dr Mahathir bin Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia. Nama unit ini telah ditukar kepada Bahagian Udara, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



selepas penstrukturan semula jabatan. Jumlah keanggotan pasukan ini adalah seramai 123 orang pelbagai pangkat termasuk juruterbang JBPM seramai 12 orang, juruterbang kontrak tiga (3) orang dan juruterbang tentera udara tiga (3) orang. Sehingga tahun 2012, jabatan mempunyai lapan (8) buah helikopter yang terdiri daripada dua (2) buah Mi-17-IV, dua (2) buah Mi-171, dua (2) buah Augusta A109E,

dua (2) buah Agusta AW139. Fungsi utama pasukan ini adalah untuk tujuan pengawasan, penyelamatan dan perubatan kecemasan.



#### 4. Multi-Skill Team (MUST)

Pasukan MUST pertama ditubuhkan pada 11 September 1998 serentak dengan penubuhan Unit Udara Bomba dengan keanggotaan seramai 21 orang. Pasukan ini merupakan pasukan pelengkap yang elit kepada Unit Udara Bomba, yang menjalankan kerja-kerja penyelamatan dan pengurusan kecemasan secara terus kepada mangsa atau insiden di kawasan luar bandar. Pasukan ini berpangkalan di Subang, Selangor Darul Ehsan. Penambahan anggota pasukan MUST

telah dibuat di seluruh Negara melalui prosedur pemilihan yang ketat dan seramai lebih kurang 500 orang anggota telah dilantik sehingga tahun 2009.



#### 5. Pasukan Penyelamat Di Air (PPDA)

Unit Scuba Bomba telah ditubuhkan pada tahun 1987 di negeri Perak. Penubuhannya pada masa itu adalah kerana kekerapan panggilan mencari dan menyelamat di air. Jabatan telah mengambil langkah yang proaktif pada awal tahun 1990-an di mana pasukan penyelam telah dipertingkatkan dengan perolehan pelbagai peralatan menyelamat di air yang baru dan terkini. Pada tahun 2006, unit ini telah ditukar nama kepada Pasukan Penyelamat di Air dan sehingga tahun 2012 terdapat seramai 472 orang anggota PPDA terlatih di seluruh Malaysia.





## 6. Unit Pengesan (Canine)

Unit Pengesan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah ditubuhkan pada 26 April 2002. Fungsi utama pasukan ini adalah melaksanakan kerja-kerja mencari dan menyelamatkan mangsa hidup yang melibatkan runtuh struktur atau kejadian tanah runtuh, mencari mangsa yang telah mati di air atau di darat, mencari dan menyelamatkan orang hilang di dalam hutan, gua dan kawasan tanah tinggi dan membantu pasukan penyiasatan kebakaran menyiasat punca-punca kebakaran yang



Unit Pengesan



Operasi Mencari dan Menyelamat menggunakan Unit Pengesan  
sumber : Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

melibatkan khianat atau sukar dikenal pasti. Pada 6 September 2002, pasukan pertama seramai 15 orang telah dihantar berkursus ke luar negara dan anjing-anjing terlatih diperolehi dari United Kingdom. Pada tahun 2012, pengendali anjing adalah seramai 24 orang dengan empat (4) orang pembantu.

### **7. *Rapid Intervention Motorcycle (RIM)***

Unit ini ditubuhkan pada 29 November 2004, hasil daripada kemenangan pembentangan kertas kerja oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia bertajuk “*Rapid Intervention Motorcycle Unit*” dalam *Commonwealth Association for Public Administration And Management (CAPAM) - International Innovations South Africa*” pada 13 Oktober 2000 di Cape Town, Afrika Selatan. Unit ini beroperasi secara berkumpulan melibatkan 3 buah motosikal yang dilengkapi dengan peralatan melawan kebakaran dan penyelamatan. Tujuan penubuhan unit ini adalah untuk menangani insiden-insiden kecemasan di kawasan yang mempunyai masalah kesesakan jalan raya dan jalan yang sempit terutama di bandar-bandar. Sehingga tahun 2012, jumlah pegawai yang dilantik menyertai pasukan ini adalah seramai 309 orang dengan 129 buah motosikal.



## 8. *Special Technical Operation and Rescue Team of Malaysia (STORM)*



Pasukan STORM ditubuhkan pada bulan Mac 2011. Keanggotan dalam pasukan ini terdiri daripada gabungan pasukan khas jabatan iaitu PPDA, EMRS, HAZMAT dan MUST. Fungsi pasukan STORM adalah menyelamatkan di kawasan bandar, tanah runtuh, menyelamatkan di bangunan tinggi, mencari dan menyelamatkan di kawasan yang luas, kebakaran hutan, banjir dan menangani insiden serta bencana besar. Pasukan ini terdiri daripada 73 orang anggota dan 12 orang penasihat dimana ianya melibatkan negeri di Semenanjung Malaysia sahaja. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia berhasrat untuk mendaftarkan STORM di *International Search and Rescue Advisor Group (INSARAG)* di bawah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada masa akan datang.

### **Buku dan Jurnal**

Arkib Negara Malaysia. *Panduan Sumber – Sejarah Malaysia Jld 1: Panduan Rekod-Rekod Persekutuan* Kuala Lumpur: UNESCO & ANM, 1992.

Arkib Negara Malaysia. *Arkib Warisan Eksklusif*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia, 2006.

Azalina Awang. *Sejarah dan Perkembangan Bomba*. Kuala Lumpur: Media Ink Publishing, 2011.



Buku Program, *Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia Peringkat Kebangsaan*, 2009.  
Dickinson, A.H. "The History of the Creation of the Malacca Police". *Journal of Malayan Branch Asiatic Society*: vol XIX, part 2, 1941.

Garrad, C.G. *The Acts and Ordinances of the Legislative Council of the Straits Settlements From the 1st April 1867 – 7 Mac 1898*. Compiled by the Government of Straits Settlement. Singapore: Printed by Eyre & Spottiswoode, 1898.

Gullick, J.M. *Kuala Lumpur 1880-1895: A City In The Making*, Petaling Jaya: Pelanduk Publication, 1988.

Morra, Patrick. "The History of the Malayan Police". *Journal of Malayan Branch Asiatic Society*: vol. XXXVI, part 2, 1968.

Muzium Negara Malaysia. *Sejarah Bergambar Institusi Polis di Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Negara, 1994.

### **Buletin dan Penerbitan Khas Jabatan Bomba dan Penyelamat**

Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia. *FRAMZINE*: bil 4/2011, 2011.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Profil Jabatan*.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Visi dan Misi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia*. 1997.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Buletin Bomba 2000* (bil 1/2000).

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Buletin Bomba 2000* (bil 2/2000).

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Buletin Bomba 2000* (bil 4/2007).

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Buletin Bomba 2009* (bil 2/2009).

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Buletin Bomba 2010* (bil 2/2010).

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Buletin Bomba 2010* (bil 3/2010).

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Memoir Dato' Hamzah Bin Abu Bakar*. 2010.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Melaka. *Buletin Bomba 1995*(bil 2/1995).

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Pahang. *Laporan Tahunan 1995*.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Perak. *Laporan Tahunan 2010*.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri Sabah. *Buletin JBPM, Negeri Sabah 2001* (bil 2/2001).

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, *Buletin Bomba, Keluaran Khas Sempena Persaraan Ketua Pengarah JBPM Ke-4*.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Negeri Pulau Pinang. *Buletin Mutiara*, 2010.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Pelan Strategik Jabatan Bomba dan Malaysia, 2009-2020*.

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. *Sejarah Perkhidmatan Bomba Negeri Kelantan*: Perkhidmatan Bomba Malaysia Negeri Kelantan

### **Kajian dan Laporan**

Alwi Jantan, Dato'. *Report Of The Standing Committee on Prevention and Control of Fire at the Campbell Shopping Complex Kuala Lumpur*, 1976.

*Kajian Keperluan Latihan Pegawai & Kakitangan Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Meningkatkan Pusat Latihan Bomba Malaysia Ke Taraf Kolej – Kursus Diploma Sains Pengurusan 84/85 Institut Tadbiran Awam Negara.*

Laporan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri-Negeri, 2012.

Harun Hasim, (Ketua Hakim). *Laporan Suruhanjaya DiRaja Mengenai 'Remuneration' dan Syarat-syarat Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan Berkanun.*

Rama Iyer, Dato'. *Laporan Petugas Khas Mengenai Pencegahan dan Kawalan Kebakaran.*

Yahya bin Abdul Wahab, Dato'. *Laporan Jawatankuasa Pegawai-Pegawai Untuk Mencari Jalan Dan Langkah-Langkah Bagi Melawan Kebakaran Di Kawasan-Kawasan Di Luar Wilayah Persekutuan.*

### **Akta/Ordinan/Enakmen**

*Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Bab X.*

*Enakmen Penubuhan Perkhidmatan Bomba, 1971.*

*Ordinance of 187, Muzium Polis.*

### **Fail/ Dokumen dari Arkib Negara Malaysia**

*"Petition Praying for an Efficient Fire Brigade in Kota Bharu", Kelantan 541/1911.*

No rujukan ANM: 1957/0490545.

*"Materials for Fire Brigade at Kulim. Provision for Prurchase of – Perbelanjaan Habuan Membeli Perkakas-perkakas Bagi Bomba di KULIM [versi Melayu-Jawi]", 272/1341. No rujukan ANM: 1957 0383614.*

*"Fire Brigades in Rural District in Perak", Residency 4528/1894. No rujukan ANM: 1957/0051487.*

*"Reduction of Fire Brigade Staff in Negeri Sembilan", Police 1172/1922. No. rujukan ANM: 1957/0448253.*

Koleksi Gambar-gambar Bersejarah Arkib Negara Malaysia.